

**KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH MELALUI  
PENGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN  
KOMUNIKASI (TMK) OLEH  
GURU PELATIH**

**SHAKILA BINTI CHE DAHALAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH MELALUI  
PENGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN  
KOMUNIKASI (TMK) OLEH  
GURU PELATIH**

oleh

**SHAKILA BINTI CHE DAHALAN**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera  
(Pendidikan)**

**OKTOBER 2015**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana berkat limpah kurnia telah memberikan kesihatan yang baik, kesabaran dan menetapkan tekad diri untuk saya menyiapkan tesis ini. Di kesempatan ini , saya ingin merakamkan terima kasih kepada kalian yang membantu saya menyiapkan tesis ini mengikut masa yang dirancang.

Ucapan jutaan terima kasih diberikan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Najeemah Mohd Yusof kerana memberikan tunjuk ajar, nasihat dan teguran sepanjang kajian ini dijalankan. Bimbingan daripada beliau memberikan inspirasi kepada saya menghasilkan penulisan yang lebih baik.

Syukur juga dipanjatkan kepada suami tercinta, En. Yusri Yahya, terima kasih kerana kesetiaan, kesabaran, pengorbanan dan sokongan moral untuk menyiapkan tesis ini. Tidak pernah dilupai ayahanda dan bonda, En. Che Dahalan Abdul Hamid dan Pn. Radziah Mahmood, ayahanda dan bonda mertua, En. Yahya Che Lah dan Pn. Nor Hashimah Hashim yang sentiasa mengangkat doa buat anakanda dan menyokong anakanda sepanjang menyiapkan tesis ini. Buat kakanda, Syahrul Nizam, Rohaidah dan adinda Syakirah terima kasih atas kasih-sayang, keprihatinan dan dorongan moral yang diberikan.

Tidak lupa juga buat peserta kajian yang sentiasa memberikan kerjasama, dan berlapang dada memberikan komitmen tanpa mengira masa dan tenaga. Akhir sekali, kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam memberikan pandangan sepanjang penyelidikan saya. Jutaan terima kasih kepada anda semua.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>ABSTRAK</b>	xvi
<b>ABSTRACT</b>	xviii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Soalan Kajian	9
1.7 Kerangka Konsep Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	11
1.8.1 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	11
1.8.2 Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)	11
• Memahami Kronologi	12
• Menerokai Bukti	12
• Membuat Interpretasi	13

• Membuat Imaginasi	13
• Membuat Rasionalisasi	13
1.8.3 Guru Pelatih	14
1.9 Kepentingan Kajian	14
1.10 Batasan Kajian	15
1.11 Rumusan	16

## **BAB 2: SOROTAN KEPUSTAKAAN**

2.1 Pendahuluan	17
2.2 Takrifan Ilmu Sejarah	18
2.2.1 Kedudukan Mata Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia	19
2.2.2 Objektif Mata Pelajaran Sejarah	22
2.2.3 Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK)	23
2.3 Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah	24
2.3.3 Objektif Kemahiran Pemikiran Sejarah	26
2.3.4 Kategori dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah	26
2.3.4.1 Memahami Kronologi	27
2.3.4.2 Menerokai Bukti	27
2.3.4.3 Membuat Interpretasi	27
2.3.4.4 Membuat Imaginasi	28
2.3.4.5 Membuat Rasionalisasi	28
2.3.5 Kebaikan Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada Murid, Masyarakat dan Negara	29
2.3.6 Kedudukan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Sistem Pendidikan Malaysia	30

2.3.7	Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pendidikan Guru di Universiti	31
2.3.8	Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Sistem Pendidikan	34
2.4	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	34
2.4.1	Ciri-ciri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	35
2.4.2	Tinjauan Kedudukan TMK dalam Sistem Pendidikan	36
2.4.3	Penggunaan TMK dalam Pendidikan di Malaysia	39
2.4.4	Penggunaan TMK dalam Pengajaran dan Pembelajaran	39
2.4.4.1	Pembelajaran Tutorial	40
2.4.4.2	Pembelajaran Penerokaan	40
2.4.4.3	Pembelajaran Aplikasi Teknologi Maklumat	40
2.4.5	Kebaikan Penggunaan TMK	41
2.4.5.1	Meningkatkan Motivasi	41
2.4.5.2	Menyokong Pendekatan Baru dalam Pengajaran dan Pembelajaran	42
2.4.5.3	Kemahiran Asas dalam Era Maklumat	42
2.4.6	Pelaksanaan TMK dalam Pendidikan Guru di Universiti	43
2.4.7	Pelaksanaan TMK dalam Pendidikan Guru di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia	44
2.4.8	Pelaksanaan TMK dalam Pendidikan di Sekolah	45
2.5	Pendidikan Guru	46
2.5.2	Falsafah, Misi dan Visi Pendidikan Guru di Malaysia	47
2.5.3	Falsafah dan Matlamat Pendidikan Guru di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP), Universiti Sains Malaysia (USM)	48
2.6	Kajian-kajian Lepas berkaitan dengan Kajian	49
2.7	Teori Berkaitan dengan Kajian	56

2.8	Kerangka Teori Kajian	59
2.9	Rumusan	60

### **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Peserta Kajian	66
3.4	Pendekatan Pengumpulan Data Kajian	67
3.4.1	Pemerhatian	67
3.4.2	Temu Bual	74
3.4.3	Analisis Dokumen	74
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	75
3.5.1	Kesahan Dalaman	75
3.5.2	Kesahan Luaran	78
3.5.3	Kebolehpercayaan	79
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	79
3.6.1	Pemerhatian	81
3.6.2	Temu Bual	82
3.6.3	Analisis Dokumen	84
3.7	Prosedur Analisis Data	84
3.8	Rumusan	89

### **BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	90
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	90
4.2.1	Guru A	91

4.2.2	Guru B	92
4.2.3	Guru C	93
4.2.4	Guru D	94
4.3	Rumusan GA, GB, GC dan GD	95
4.4	Analisis Data dan Dapatan	96
4.4.1	Apakah teknologi yang digunakan oleh guru pelatih dalam mata pelajaran Sejarah? (SK1)	96
4.4.1.1	Bentuk Teknologi Digital (TMK)	98
	i. Gambar Digital	98
	ii. Peta Digital	103
	iii. Perisian Power Point	106
	iv. Animasi	108
	v. Video	109
4.4.1.2	Bentuk Teknologi Analog	110
	i. Kertas Mahjong	110
	ii. Kad Manila	112
	iii. Buku Teks	113
	iv. Papan Putih	117
	v. Gambar Cetakan	118
4.4.2	Rumusan Dapatan Kajian (SK1)	120
4.4.3	Apakah kategori KPS yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK? (SK2)	122
	a. Memahami Kronologi	123
	b. Menerokai Bukti	125
	c. Membuat Interpretasi	137
	d. Membuat Imaginasi	143



e.	Membuat Rasionalisasi	146
4.4.4	Rumusan Dapatan Kajian (SK2)	148
4.4.5	Apakah Pandangan Guru Pelatih tentang Kesan, Cabaran dan Cadangan Pelaksanaan KPS melalui Penggunaan TMK? (SK3)	149
4.4.5.1	Kesan Pelaksanaan KPS melalui Penggunaan TMK	149
	I.    Kesan ke atas Pengajaran	
	i.    Guru dapat Mempelbagaikan Teknik Pengajaran	150
	ii.   Memudahkan Guru Mengajar Murid	150
	iii.  Mengawal Kelas dengan Baik	151
	II.   Kesan ke atas Pembelajaran	
	i.    Murid dapat Menerokai Maklumat di Luar Kelas	152
	ii.   Keseronokan Belajar	152
	iii.  Merangsang Kemahiran Berfikir	153
4.4.5.2	Cabaran pelaksanaan KPS melalui TMK	154
	I.    Cabaran Persediaan	
	i.    Kekangan Membuat Persediaan Awal di Bilik Multimedia	154
	ii.   Keterbatasan Kemudahan Alat	155
	II.   Cabaran Pengurusan	
	i.    Jadual Masa Mengajar yang Tidak Efisien	157
4.4.5.3	Cadangan Pelaksanaan KPS melalui TMK	157
	I.    Cadangan Terhadap Pengajaran	
	i.    Membina Laman Sesawang atau Blog Murid	160

ii.	Membina Modul Sejarah	162
II.	Cadangan Terhadap Pengurusan	
i.	Menyediakan Bilik Sejarah yang Khusus	162
4.4.6	Rumusan Dapatan Kajian (SK3)	163
4.5	Rumusan	165
<b>BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pendahuluan	167
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	
5.2.1	Apakah teknologi yang digunakan oleh guru pelatih dalam mengajar mata pelajaran Sejarah? (SK1)	167
5.2.2	Kategori KPS yang dilaksanakan oleh Guru Pelatih dengan Menggunakan TMK (SK2)	168
5.2.3	Apakah Pandangan Guru Pelatih tentang Kesan, Cabaran dan Cadangan Melaksanakan KPS dengan Menggunakan TMK (SK3)	168
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.3.1	Penggunaan Teknologi oleh Guru Pelatih dalam Mata Pelajaran Sejarah (SK1)	169
5.3.2	Kategori KPS yang dilaksanakan oleh Guru Pelatih dengan Menggunakan TMK (SK2)	170
5.3.3	Pandangan Guru Pelatih Tentang Kesan, Cabaran dan Cadangan Melaksanakan KPS dengan Menggunakan TMK (SK3)	171
5.4	Implikasi Kajian	174
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	174
5.6	Kesimpulan	175
	<b>RUJUKAN</b>	178

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Muka Surat</b>
Lampiran 1: Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD)	189
Lampiran 2: Surat Kebenaran Peserta Kajian	190
Lampiran 3: Contoh Matrik Transkrip Pemerhatian	191
Lampiran 4: Contoh Nota Lapangan	199
Lampiran 5: Contoh Borang Pemerhatian	201
Lampiran 6: Protokol Temu Bual Mendalam	202
Lampiran 7: Contoh Matrik Transkrip Temu Bual Mendalam	204
Lampiran 8: Contoh Analisis Dokumen	207
Lampiran 9: Analisis Data Pemerhatian (SK1)	208
Lampiran 10: Analisis Data Dokumen (SK1)	213
Lampiran 11: Dapatan Kajian (SK1)	215
Lampiran 12: Analisis Data Pemerhatian (SK2)	216
Lampiran 13: Analisis Data Dokumen (SK2)	218
Lampiran 14: Dapatan Kajian (SK2)	220
Lampiran 15: Analisis Temu Bual Mendalam (SK3)	221
Lampiran 16: Dapatan Kajian (SK3)	224

## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>
3.1 Kaedah Pengumpulan Data Analisis Kajian	85
4.1 Maklumat Latar Belakang Peserta Kajian	90
4.2 Analisis Penggunaan Teknologi dalam Mata Pelajaran Sejarah oleh Peserta Kajian	96
4.3 Penggunaan Gambar Digital oleh Peserta kajian	98
4.4 Analisis Dokumen Penggunaan Gambar Digital oleh GA	100
4.5 Penggunaan Peta Digital oleh Peserta kajian	103
4.6 Analisis Dokumen Pertama Penggunaan Peta Digital GA	104
4.7 Penggunaan perisian Power Point oleh Peserta kajian	106
4.8 Analisis Dokumen penggunaan perisian Power Point oleh Peserta kajian	107
4.9 Penggunaan Animasi oleh Peserta kajian	108
4.10 Analisis Dokumen Penggunaan Kad Manila oleh GA	113
4.11 Analisis Dokumen Penggunaan Buku Teks oleh GA	114
4.12 Analisis Dokumen Penggunaan Buku Teks oleh GC	115
4.13 Analisis Dokumen Penggunaan Buku Teks oleh GD	117
4.14 Analisis Dokumen Penggunaan Papan Putih oleh GB	118
4.15 Taburan Penggunaan Teknologi yang digunakan oleh Peserta Kajian	121
4.16 Analisis Pemerhatian Peserta Kajian	122
4.17 Pelaksanaan Kemahiran Memahami Kronologi Melalui Kaedah Pemerhatian oleh Peserta Kajian	123

4.18	Pelaksanaan Kemahiran Menerokai Bukti melalui Kaedah Pemerhatian oleh Peserta Kajian	125
4.19	Pelaksanaan Kemahiran Membuat Interpretasi melalui Kaedah Pemerhatian oleh Peserta Kajian	138
4.20	Pelaksanaan Kemahiran Membuat Imajinasi melalui Kaedah Pemerhatian oleh Peserta Kajian	143
4.21	Analisis Dokumen Ketiga Pelaksanaan Kemahiran Membuat Imajinasi oleh GB	146
4.22	Pelaksanaan Kemahiran Membuat Rasionalisasi melalui Kaedah Pemerhatian oleh Peserta Kajian	147
4.23	Hasil Dapatan Data Pemerhatian Pelaksanaan KPS oleh Peserta Kajian	148
4.24	Analisis Temu Bual Pandangan Peserta Kajian Tentang Kesan, Cabaran dan Cadangan Melaksanakan KPS melalui Penggunaan TMK	158
4.25	Hasil Dapatan Data Temu bual Kesan, Cabaran dan Cadangan Pelaksanaan KPS melalui TMK	164

## SENARAI RAJAH

	<b>Muka Surat</b>
1.1 Kerangka Konsep Kajian	10
2.1 Struktur Disiplin Sejarah	21
2.2 Kemahiran Pemikiran Sejarah	26
2.3 Model Teknologi Pedagogi dan Isi Kandungan (TPACK) dan Kerangka Kerja TPACK	56
2.4 Kerangka Teori Kajian	59
3.1 Reka Bentuk Kajian	65
3.2 Nota Lapangan	70
3.3 Nota Pemerhatian	71
3.4 Kesahan Data melalui Pemerhatian	76
3.5 Kesahan Data melalui Triangulasi Data	76
3.6 Contoh Sistem Pengekodan Data	87
3.7 Proses Analisis Data	89

## SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
AKEPT	Akademi Kepimpinan Tinggi
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
CES	<i>Centre for Education Studies</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TPACK	Technology Pedagogy Content Knowledge
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
KBAT	Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KLSM	Kurikulum Lama Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPS	Kemahiran Pemikiran Sejarah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SPBS	Sistem Penilaian Berasaskan Sekolah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UKLP	Ujian Kelayakan Latihan Perguruan
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
USM	Universiti Sains Malaysia

# **KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK) OLEH GURU PELATIH**

## **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti bentuk teknologi yang digunakan oleh guru pelatih dalam mengajar mata pelajaran Sejarah. Kajian ini turut menerokai kategori Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK. Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang terlibat adalah kemahiran mengikut kronologi, menerokai bukti, membuat imaginasi, membuat interpretasi dan membuat rasionalisasi. Kajian ini juga meneliti pandangan guru pelatih tentang kesan melaksanakan KPS dengan menggunakan TMK yang merangkumi cabaran dan cadangan guru pelatih terhadap pelaksanaan KPS melalui penggunaan TMK. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes kualitatif dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu pemerhatian, temu bual mendalam dan analisis dokumen untuk mengumpulkan data. Peserta kajian terdiri daripada empat orang guru pelatih tahun empat Kursus Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Pendidikan di Universiti Sains Malaysia yang sedang menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah sekitar Pulau Pinang. Peserta kajian dipilih menggunakan sampel bertujuan untuk memberikan peluang kepada penyelidik untuk memilih peserta kajian yang khusus, spesifik dan bertepatan dengan objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih menggunakan teknologi digital (TMK) dan teknologi analog dalam mengajar mata pelajaran Sejarah. teknologi digital (TMK) yang digunakan ialah gambar digital, peta digital, perisian Power Point, animasi, dan video. Manakala, media analog ialah kertas mahjong, kad manila, buku teks, papan putih dan gambar cetakan. Hasil kajian ini juga mendapati pelaksanaan KPS oleh guru pelatih tertumpu



kepada kemahiran menerokai bukti dan membuat interpretasi. Manakala, kemahiran-kemahiran lain dilaksanakan secara minima. Hanya seorang guru pelatih didapati melaksanakan empat daripada lima kemahiran iaitu menerokai bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi dalam pengajaran mereka. Walau bagaimanapun, analisis temu bual dan dokumen menunjukkan wujudnya elemen menyokong pelaksanaan KPS oleh guru pelatih. Dapatan kajian tentang kesan, cabaran dan cadangan oleh guru pelatih dalam melaksanakan KPS melalui TMK tertumpu kepada dua perkara iaitu kepada pengajaran dan pembelajaran. Kesan kepada pengajaran ialah guru dapat mempelbagaikan teknik pengajaran, memudahkan guru mengajar murid dan mengawal kelas dengan baik. Manakala, kesan pembelajaran ialah murid dapat menerokai maklumat di luar kelas, keseronokan belajar, dan merangsang kemahiran berfikir. Cabaran terhadap guru lebih tinggi daripada cabaran yang dihadapi oleh murid dalam melaksanakan KPS melalui TMK. Cabaran tersebut meliputi kekangan membuat persediaan awal di bilik Multimedia, keterbatasan kemudahan LCD Projektor untuk setiap panitia dan pengurusan jadual mengajar yang tidak efektif. Hasil kajian ini juga mendapati tiga cadangan oleh guru pelatih dalam melaksanakan KPS melalui penggunaan TMK iaitu membina laman sesawang atau blog, membina modul sejarah dan menyediakan bilik sejarah yang khusus. Kesimpulannya, kajian ini telah memberikan gambaran tentang pelaksanaan KPS dalam mata pelajaran Sejarah melalui penggunaan TMK oleh guru pelatih serta kesan, cabaran dan cadangan melaksanakan KPS dalam mata pelajaran Sejarah melalui penggunaan TMK.

# **HISTORICAL THINKING SKILLS USING INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT) BY PRE SERVICE TEACHER**

## **ABSTRACT**

This research is done to identify the kind of technology used by teacher trainees teaching History. This research also explores the Historical Thinking Skills category which was carried out by the trainees using ICT. The Historical Thinking Skills involved are skills needed to follow chronology, explore evidences, imagine, interpret and rationalize. This research also examines the view of the teacher trainees on the effect or outcome of embarking KPS using ICT which includes the challenges and suggestions of the trainees over the KPS implementation using ICT. The research being a qualitative case study uses three data collecting approach namely observation, in depth interview and document analysis to collect data. The participants identified for the research are four teacher trainees who are in year four Bachelor of Arts with education program from University of Sains Malaysia and currently undergoing their practicum in schools around Pulau Pinang. The participants were selected from purposive sampling in order to qualify the researcher to choose research participants who are specialized, specific and right to the research objectives. The result of the research shows that the trainees use digital technology and analogue technology in the teaching of History. The digital technology engaged are digital images, digital maps, PowerPoint program, animation and video. The analogue media on the other hand comprises Mahjong Paper, manila card, textbooks, white board and pictorials. The research findings reveal that implementation KPS by the practical teacher trainees focus to exploration of evidence and interpretation skills. However, it must be said that other skills were engaged minimum. Only one

particular trainee picked four out of five skills which are evidence exploration, interpretation, imagination and rationalization for the lesson. Although, the interview analysis and document analysis support the adoption of KPS by the trainee teacher. The finding of the research points out the effect, challenges and suggestions of the trainee teachers in the implementation of KPS through ICT focus on two factors which are teaching and learning. Its effect in teaching are allows the teachers to vary teaching techniques, makes teaching the school students easier and helps teachers in better class control. Whereas, the effects in the learning aspect are the students can explore information outside classroom, enjoy lessons and stimulate their thinking skills. The research finding confirms that the challenges include problems encountered in the early setup of the Multimedia room, the unavailability of tools for all the subject panels and the inefficient administration of the school time table. The research finding also presents three suggestions or ideas from the teacher trainees in the implementations of KPS via ICT that are to create websites or blogs, construct history modules and have special rooms for history. Conclusion, the research provides a picture of the implementation of KPS in the History subject aided by the usage of KPS by teacher trainees and the effect, challenges and suggestions in carrying out KPS in History class by using ICT.

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan beberapa perkara sebagai latar belakang kajian. Seterusnya, pernyataan masalah akan menjelaskan permasalahan yang wujud membawa kepada kajian ini. Kemudian, dinyatakan tujuan kajian ini dijalankan yang merangkumi objektif kajian dan soalan kajian diikuti oleh pembinaan kerangka kerja konsep bagi menggambarkan ruang lingkup keseluruhan kajian. Definisi terma kajian turut dijelaskan. Bab ini, turut menerangkan kepentingan kajian kepada penggubal kurikulum, tenaga pengajar, dan peserta kajian. Bab ini diakhiri dengan penjelasan tentang batasan kajian ini dan rumusan keseluruhan bab ini.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Perkembangan pesat dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau *Information and Communication Technology* (ICT) telah memberikan kesan kepada pelbagai aspek kehidupan, termasuklah pendidikan. Kini, masyarakat semakin celik TMK dan dapat berhubung, berkomunikasi dan berkongsi maklumat dengan mudah melalui Skype, Twitter, Facebook (Rosen, 2012). Pengaruh TMK dalam bidang pendidikan di Malaysia bermula pada awal tahun 1970-an apabila diperkenalkan mikrokomputer dan pengaturcaraan pendidikan (*educational programming*). Seterusnya, pada tahun 1980-an perisian pembelajaran mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan. Manakala, pada pertengahan tahun 1990-an TMK semakin memberikan kesan kepada sistem pendidikan Malaysia apabila inisiatif ‘Satu Rumah Satu Komputer’ diperkenalkan bagi menggalakkan

penggunaan TMK seperti internet dan web sebagai alat komunikasi dalam kalangan masyarakat Malaysia (Wan Mohamad Wan Ibrahim, 2011).

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempertingkatkan latihan penggunaan komputer dalam pengajaran di Institusi Pendidikan Guru untuk semua mata pelajaran agar semua guru pelatih yang dilahirkan mampu menggunakan dan mengintegrasikan TMK dengan baik. Sebanyak RM 54.6 bilion, iaitu 21 peratus daripada jumlah bajet persekutuan 2014 diperuntukkan kepada bidang pendidikan dan 168 juta ringgit dikhususkan dalam pembangunan TMK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Hal ini menunjukkan kesungguhan KPM dalam memastikan TMK diintegrasikan dalam sistem pendidikan negara apabila kesemua guru ditempatkan di sekolah kelak (Institut Perguruan Guru Malaysia, 2005). Kementerian Pendidikan Malaysia melalui program i-THINK berusaha untuk menghasilkan modal insan yang kreatif dan berinovatif serta dapat menghadapi cabaran kemahiran abad ke-21 yang memerlukan seseorang yang berkebolehan berfikiran aras tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Dengan itu, sepanjang tempoh latihan perguruan kesemua guru pelatih dilatih supaya cenderung dan mahir mengintegrasikan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Rosnani Hashim, 2012).

Usaha mengintegrasikan TMK turut ditekankan dalam pendidikan Sejarah apabila mata pelajaran Sejarah mula dipandang penting dalam sistem pendidikan. Hal ini, bermula pada tahun 1989 selepas Kementerian Pendidikan Malaysia mengumumkan mata pelajaran Sejarah sebagai subjek teras bagi semua peringkat sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas. Kepentingan subjek Sejarah lebih jelas apabila oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menjadikan subjek Sejarah sebagai subjek wajib lulus bagi memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

menjelang 2013. Mulai tahun 2014, subjek Sejarah juga menjadi subjek teras bagi sekolah rendah di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Keprihatinan terhadap mata pelajaran Sejarah oleh pihak kerajaan adalah kerana kemampuan mata pelajaran Sejarah melahirkan generasi yang bersemangat patriotik, semangat kebangsaan dan kewarganegaraan (Maharom Mohmood, 2001; Mohamad Mustafa Ishak, 2002; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003; Chan, 2010). Pengajaran peristiwa masa silam melalui '*nation building*' dan evolusi masyarakat boleh dijadikan medium menerapkan nilai-nilai murni dan patriotisme kepada generasi muda (Abdul Razaq Ahmad et al., 2011). Kandungan mata pelajaran tersebut membolehkan murid mengambil pengajaran daripada peristiwa lampau, mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan serta membekalkan murid dengan kemahiran menganalisis, merumus dan menilai fakta Sejarah (Siti Hawa Abdullah, 2007; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Pengetahuan ini akan menghasilkan murid yang berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Pendidikan Sejarah juga mampu mengembangkan pemikiran kritis dan kreatif murid melalui latihan tafsiran dan pertimbangan mengenai fakta Sejarah (Tan Ai Hoon, 1997). Bagi mencapai tahap pemikiran yang tinggi bagi murid sekolah seperti yang disasarkan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membentuk satu garis panduan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) melalui Huraian Sukatan Pelajaran Mata Pelajaran Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Panduan tersebut meliputi Struktur Disiplin Sejarah yang mengandungi beberapa aspek Kemahiran Pemikiran Sejarah atau ringkasnya 'KPS', iaitu kemahiran memahami kronologi, menerokai bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Kemahiran-

kemahiran ini bertujuan melatih kemahiran berfikir di sebalik peristiwa Sejarah bagi memupuk dan memperkukuhkan semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; Abdul Razaq Ahmad et al., 2011; Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan, 2007).

Menyedari kepentingan mata pelajaran Sejarah dalam membina modal insan murid dan perkembangan TMK, maka Kementerian Pendidikan Malaysia menyarankan institusi latihan perguruan agar melatih bakal guru Sejarah mempunyai Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang tinggi dan cekap menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah semasa latihan perguruan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Menyahut hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Sains Malaysia telah menawarkan pelbagai kursus pilihan berkaitan TMK kepada pelajar bidang pendidikan seperti kursus Teknologi Pengajaran dan Multimedia dalam Pendidikan, Reka Bentuk dan Teknologi E-pembelajaran, Pembelajaran Berasaskan Web, TMK dalam Pendidikan, Pendidikan Multimedia, dan Aplikasi TMK (Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, 2012). Semua pelajar bidang pendidikan diwajibkan mengikuti kursus teras TMK iaitu kursus *Instructional Technology Practices* (PGT 201e/3) yang memberi pendedahan kepada pelajar tentang teknologi terkini bagi membina laman web, blog, wikispaces, dan prezi. Para pelajar juga didedahkan cara-cara membuat pembentangan kumpulan menggunakan Power Point, serta penggunaan bahan grafik, video dan audio daripada TMK dalam menyiapkan tugas mereka (Rancangan Pengajaran Kaedah Mengajar Sejarah, 2010; Rancangan Pengajaran Kaedah Mengajar Ekonomi, 2010).

Maka kajian ini menerokai penggunaan TMK dalam KPS oleh peserta kajian Sejarah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Sejak pendidikan Sejarah diperkenalkan di sekolah rendah pada tahun 2014, tujuan melahirkan generasi baru yang mempunyai pemikiran tinggi, beretika, bermoral dan berupaya mengatasi cabaran masa depan melalui pengajaran Kemahiran Berfikir Atas Tinggi (KBAT) dikemukakan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Namun, kesediaan guru untuk melaksanakan KBAT masih dipersoalkan. Kajian Baharuddin Jabar (2007) menunjukkan pelaksanaan kemahiran pemikiran Sejarah pengajaran guru Sejarah di enam buah sekolah di daerah Hilir Perak cuma melibatkan 45.5 peratus guru. Dalam kajian yang sama, dapatan menunjukkan pelaksanaan KPS dalam pengajaran guru-guru Sejarah berbeza-beza mengikut kemahiran yang berbeza iaitu kronologi 46.1 peratus, membuat imaginasi 18.6 peratus, menerokai bukti 67.4 peratus, membuat interpretasi 36.3 peratus dan membuat rasionalisasi 59 peratus.

Sebelum kemunculan KBAT, Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) telah diperkenalkan pada tahun 1993 dengan pelbagai cadangan alat berfikir yang dapat membantu guru mengaplikasikan KBKK di dalam kelas. Walaupun telah diperkenalkan sejak tahun 1990-an, hasil kajian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2005) menunjukkan tahap pelaksanaan masih pada tahap rendah dalam menerapkan KBKK dalam pengajaran dan pembelajaran. Misalnya, hasil kajian yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia 32 peratus guru sekolah di Malaysia kurang mengintegrasikan kemahiran aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, manakala pengajaran lebih berpusatkan guru dan menjuruskan kepada persediaan peperiksaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005).

Lebih membimbangkan, guru pelatih juga masih gagal menerapkan kemahiran berfikir sepanjang pengajian mereka, malah semasa menjalani latihan



mengajar (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2005). Kajian lain oleh Halimah Harun, 2004; Abdul Razaq Ahmad, 2001 menunjukkan guru pelatih Sejarah sering menggunakan pendekatan 'tradisional' dalam latihan mengajar kerana merupakan cara paling mudah mengawal kelas dan menghabiskan sukatan pelajaran semasa latihan.

Dalam beberapa kajian oleh Abd Rahim Abd Rashid (2000); Russell (2008); Renuka Ramakrishnan dan Siti Hawa Abdullah (2012), terdapat pelbagai punca kegagalan menerapkan kemahiran berfikir dalam PdP Sejarah. Antaranya kesukaran mendapatkan sumber Sejarah, kekangan masa guru mencari sumber yang sahih, kos yang tinggi mencari sumber dan tuntutan menghabiskan sukatan pelajaran. Kesukaran untuk mendapatkan sumber primer, saiz sumber primer yang kecil atau terlalu besar, mahal, kotor, bahaya dan sukar ditafsirkan menjadi penghalang guru menggalakkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan lebih cenderung menggunakan kaedah tradisional di dalam kelas. Hal ini dikukuhkan oleh satu kajian oleh Megat Sa'dan Megat Salleh (2004) terhadap 26 orang guru Sejarah di daerah Perak Tengah. Kajian ini mendapati 77.5 peratus atau 20 daripada 26 orang guru hanya menggunakan sumber buku teks semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Sekiranya hal ini dibiarkan berlarutan, generasi yang dilahirkan pada zaman digital ini tidak berubah seperti meluahkan semula ilmu yang diperolehi daripada bukunya, bukannya menggunakan ilmu dalam kehidupan seharian. Bahkan, menganggap ilmu yang diperolehi di sekolah sekadar memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Oleh itu, merujuk punca kegagalan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah, beberapa kajian Longman (2004); Othman Md. Johan dan Lukman Dinyati (2011);

dan Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) dijalankan untuk mencari alternatif bagi memudahkan guru di sekolah mendapatkan sumber Sejarah dengan mudah, menarik perhatian murid dan menjana pemikiran murid. Hasil kajian mereka, penggunaan teknologi mampu untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, dan menghubungkan keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran. Sumbangan teknologi dalam pendidikan seperti visual dan gambar bukan sekadar mengubah peranan teknologi daripada satu kemudahan kepada keperluan dalam pendidikan (Jurian Long, 2000), malah dapat meningkatkan pembelajaran, pemikiran dan berfikir pada tahap yang tinggi kerana melibatkan kolaborasi pelbagai deria dan domain psikomotor, kognitif dan afektif (Alias Baba & Abdul Rashid Johar, 2000). Hal ini diakui dalam kajian Mohd Izham Mohd Hamzah, et al., (2000); Peter R. Albion, (2003); Jung, (2005); yang mendapati bahawa, penggunaan TMK mampu memudahkan pengajaran guru dalam mencapai objektif yang dirancang dalam setiap topik yang disampaikan kepada murid. Rosidayu Sabran (2006) turut menyatakan bahawa penggunaan TMK dapat meningkatkan kemahiran berfikir, prestasi akademik dan mutu pendidikan melalui kepelbagaian teknik persembahan sebagai media penggerak untuk murid berfikir secara kreatif dan kritis. Kajian Mishra & Koehler, (2009) yang dijalankan telah membuktikan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna kepada murid.

Namun, TMK masih kurang digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru di sekolah (Abdul Razaq Ahmad, 2001). Oleh itu, guru pelatih hari ini ialah golongan muda yang sudah serasi dengan dunia maklumat di hujung jari dalam kehidupan seharian, dan dilihat sebagai pelapis guru yang

mampu mengadaptasikan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran (Sami Sahin, 2012).

Sehubungan itu, menjadi keperluan penyelidikan dalam bidang ini untuk mengenal pasti sama ada guru pelatih menggunakan TMK dalam mata pelajaran Sejarah, menerokai kategori KPS yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK dan seterusnya meneliti pandangan peserta kajian tentang kesan, cabaran dan cadangan mereka melaksanakan TMK dalam KPS. Penyelidikan ini membantu tenaga pengajar memperoleh pemahaman yang lebih baik terhadap keberkesanan kursus yang diberikan kepada guru pelatih. Dalam masa yang sama dapat membantu guru pelatih meningkatkan KPS dalam pengajaran Sejarah. Walaupun, penyelidikan mengenai KPS sudah dijalankan oleh beberapa penyelidik di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Namun, kajian penggunaan TMK dalam pengajaran KPS secara mendalam oleh guru pelatih masih belum dijalankan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini sangat perlu dijalankan untuk menjawab masalah yang berlaku dalam perbincangan di atas.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti teknologi yang digunakan oleh guru pelatih. Selain itu, kajian ini mengenal pasti kategori KPS yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK. Di samping itu, kajian ini meneliti pandangan guru pelatih tentang kesan, cabaran dan cadangan untuk menggunakan TMK dalam melaksanakan KPS.

## **1.5 Objektif Kajian**

Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut.

1. Menenal pasti teknologi yang digunakan oleh guru pelatih dalam mengajar mata pelajaran Sejarah.
2. Menenal pasti kategori KPS yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK.
3. Meneliti pandangan guru pelatih tentang kesan, cabaran dan cadangan melaksanakan KPS dengan menggunakan TMK.


## **1.6 Soalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah teknologi yang digunakan oleh guru pelatih dalam mengajar mata pelajaran Sejarah?
2. Apakah kategori KPS yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK?
3. Apakah pandangan guru pelatih tentang kesan, cabaran dan cadangan melaksanakan KPS dengan menggunakan TMK ?

## 1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka kerja konsep kajian ini dibina berdasarkan kepada objektif dan soalan kajian seperti Rajah 1.1 di bawah:



**Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian**

Kerangka konsep kajian direka bentuk untuk menunjukkan secara jelas hala tuju kajian, dan pemboleh ubah yang ingin dikaji oleh penyelidik. Kerangka konsep kajian dirangka mengikut urutan soalan kajian. Pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah oleh guru pelatih mengandungi jawapan kepada soalan kajian pertama 'Apakah teknologi yang digunakan oleh guru pelatih dalam mata pelajaran Sejarah? (SK1). Adalah diandaikan dalam pengajaran tergolong kepada dua jenis teknologi iaitu teknologi digital dan teknologi analog. Seterusnya, kajian ini meneroka kategori KPS yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK. Penyelidik ingin mengetahui 'Apakah kategori KPS yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK?', merujuk kepada lima kemahiran: memahami kronologi, menerokai bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi seperti yang dicadangkan oleh KPM, untuk menjawab

soalan kajian kedua. Kemudian, pelaksanaan KPS guru pelatih dengan menggunakan TMK berkaitan soalan kajian ketiga adalah untuk meneliti kesan, cabaran dan cadangan yang dihadapi peserta kajian dalam melaksanakan KPS dengan menggunakan TMK .

## **1.8 Definisi Istilah**

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini diberikan definisi seperti berikut.

### **1.8.1 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK )**

Teknologi Maklumat dan Komunikasi merujuk kepada singkatan *Information Technology and Communication* (ICT) yang bermaksud kepelbagaian teknologi yang disepadukan untuk memperoleh, menyimpan dan menyebarkan maklumat dalam pelbagai bentuk seperti gambar digital, audio-visual, dan animasi (Noor Azliza Che Mat dan Lilia Halim, 2002). TMK dalam kajian ini ialah penggunaan sebarang teknologi dalam bentuk digital oleh peserta kajian seperti ebook, gambar digital, peta digital, animasi, video, audio, dan perisian seperti Power Point dalam pengajaran yang dijalankan semasa di dalam kelas atau tugas individu diberikan kepada murid.

### **1.8.2 Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)**

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) merujuk kepada proses berfikir secara analitis, kritis dan kreatif bertujuan memahami peristiwa yang berlaku pada masa lalu untuk dihubungkan dengan masa kini dan sebagai persediaan untuk masa akan datang (Siti Hawa Abdullah, 2007). Dalam kajian ini, pemikiran Sejarah dikesan melalui penilaian menurut lima kategori pemikiran Sejarah yang disaran oleh KPM,

iaitu kemahiran memahami kronologi, menerokai bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. Takrifan KPS dalam kajian ini adalah merujuk kepada kajian Baharudin Jabar (2007), Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) serta literatur berkaitan.

**Memahami kronologi:** menurut Pusat Perkembangan Kurikulum aspek ini bermaksud memahami kronologi bermaksud dengan masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan tentang sesuatu peristiwa Sejarah yang berlaku (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Takrifan ini turut dijelaskan oleh KPM (2003) sebagai kemahiran memahami konsep masa mengikut kemajuan sesuatu tamadun, memahami peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya. Dalam kajian ini, memahami kronologi bermaksud memahami urutan atau perkembangan peristiwa Sejarah yang berlaku mengikut kemajuan sesuatu tamadun atau memahami peristiwa sama ada menyatakan tahun atau tanpa menyatakan tahunnya.

**Menerokai bukti:** Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mendefinisikan menerokai bukti sebagai kemahiran mengenal pasti sumber pertama dan kedua, membuat perbandingan antara sumber dan mendapatkan maklumat daripadanya. Menurut Holt (1994) guru Sejarah berperanan membimbing murid untuk menerokai bukti melalui kajian gambar, dokumen Sejarah dan surat khabar untuk membuat pertimbangan menggunakan akal fikiran mengesahkan sesuatu pernyataan atau sebab sesuatu peristiwa Sejarah. Dalam kajian ini, menerokai bukti didefinisikan secara operasional bermaksud menerokai tokoh Sejarah, lokasi, tarikh dan sebab berlaku sesuatu peristiwa melalui sumber pertama atau kedua untuk mengesahkan sesuatu pernyataan, menyokong fakta Sejarah.

**Membuat interpretasi:** Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mendefinisikan membuat tafsiran bermaksud kemahiran membuat ulasan dan kupasan terhadap sesuatu peristiwa Sejarah supaya memahami perkaitan antara fakta Sejarah dan tafsiran Sejarah. Kemahiran membuat interpretasi ini juga bermakna masa lalu difahami melalui pemerhatian dan interpretasi yang sistematik sehingga dapat membantu individu hidup dengan lebih baik pada masa hadapan (Paul & Elder, 2006). Dalam kajian ini, membuat interpretasi bermaksud membuat tafsiran, ulasan dan kupasan mengenai sesuatu peristiwa Sejarah sebagai pengajaran.

**Membuat imaginasi:** Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mendefinisikan membuat imaginasi sebagai kemahiran menghayati secara visual dan empati sesuatu situasi dalam peristiwa silam Sejarah. Dalam kajian ini, membuat imaginasi bermaksud menghayati peristiwa Sejarah, menyatakan perasaan, memainkan peranan watak dan membayangkan diri berada dalam peristiwa Sejarah.

**Membuat rasionalisasi:** Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mendefinisikan membuat rasionalisasi sebagai penggunaan akal dalam membuat pertimbangan yang wajar bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Paul & Elder, 2006 berpendapat proses mengumpul data, membuat hipotesis, menentukan signifikan bukti dan membuat inferens daripada data yang di kumpul dapat membimbing dalam untuk membuat keputusan yang lebih baik pada masa hadapan. Dalam kajian ini, membuat rasionalisasi bermaksud membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam menyelesaikan masalah, menjelaskan sebab-sebab sesuatu peristiwa Sejarah, kesan, dan akibat setelah mencari bukti, membuat imaginasi dan membuat interpretasi sesuatu peristiwa Sejarah.



### **1.8.3 Guru Pelatih**

Guru pelatih secara literasi ialah bakal-bakal guru yang sedang menjalani latihan asas perguruan di universiti mahupun Institusi Pendidikan Guru (IPG) untuk melatih mereka menjadi guru di sekolah. Guru pelatih menurut pandangan Jones & Moreland (2004) dan Clark, et al., (2006) adalah pelajar dalam latihan perguruan. Dalam konteks kajian ini, guru pelatih bermaksud pelajar yang sedang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Pendidikan dalam jurusan Sejarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Semasa kajian dijalankan mereka menuntut pada Tahun Empat (tahun akhir) pengajian dan sedang menjalani latihan mengajar di sekolah.

### **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan menjelaskan penggunaan TMK dalam pengajaran kemahiran pemikiran Sejarah (KPS) oleh guru pelatih Sejarah. Hasil penyelidikan ini dapat memberi maklumat kepada guru sekolah untuk lebih serius menekankan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, hasil kajian ini dapat menjelaskan keadaan sebenar pelaksanaan KPS oleh guru pelatih yang telah diberikan latihan perguruan dengan menggunakan TMK sebagai medium alternatif pengajaran.

Di samping itu, penglibatan guru pelatih dalam kajian ini dapat membantu guru membuat persediaan, merancang dan mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dalam menyampaikan kemahiran pemikiran Sejarah dengan berkesan. Penggunaan TMK sebagai media pengajaran dalam kajian ini memberikan alternatif kepada guru pelatih menjalankan proses pembelajaran yang berkesan. Kajian ini turut membantu para guru meningkatkan keupayaan mereka menerapkan KPS

sebagai unsur penting dalam pengajaran dengan menggunakan TMK sebagai medium perantaraan. Di samping itu, dapatan kajian ini dapat memberi nilai tambah kepada guru pelatih membuat persediaan menjalani latihan mengajar pada semester berikutnya dan seterusnya dalam alam pekerjaan.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan maklum balas tentang keberkesanan penggunaan TMK dalam kursus kaedah mengajar di fakulti pendidikan. Akhir sekali, kajian ini dapat menambahkan hasil penyelidikan yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan secara kualitatif tentang guru pelatih semasa menjalani latihan perguruan.

#### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian ini memberi kepada pengajaran KPS yang meliputi kemahiran memahami kronologi, menerokai bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi, dan membuat rasionalisasi. Kajian kualitatif reka bentuk kajian kes ini menggunakan pendekatan pengutipan data secara pemerhatian, temu bual mendalam dan analisis dokumen. Kajian ini, hanya melibatkan guru pelatih yang mengambil pengkhususan major Sejarah sahaja. Hal ini bertujuan untuk menyeragamkan pemilihan subjek kajian dan kaedah menganalisis data kajian. Selain itu, kajian ditumpukan kepada guru pelatih yang telah berada pada tahun akhir pengajian untuk menyeragamkan pengetahuan peserta kajian dari segi konteks maklumat Sejarah melalui kursus Sejarah yang telah mereka ikuti dan dari segi pendekatan pengajaran yang telah dipelajari.

Tambahan lagi, kajian ini hanya dilakukan terhadap guru pelatih yang menjalani latihan mengajar di sebuah universiti. Kajian yang menyeluruh pada peringkat negara mampu memberikan dapatan yang bermakna, namun sukar untuk

melakukan kajian sebegini memandangkan semua universiti berbeza dari segi lokasi. Hal ini memberi kesan pada faktor masa, tenaga dan kewangan pengkaji. Oleh kerana, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes kualitatif, analisis hasil kajian ditulis dalam bentuk analisis deskriptif. Dapatan kajian penggunaan TMK dalam pengajaran KPS adalah terhad kepada responden kajian ini dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua institusi latihan perguruan lain. Walau bagaimanapun, dapatan boleh dijadikan panduan mahupun rujukan oleh kajian yang dijalankan di institut pengajian lain.

### **1.11 Rumusan**

Kemahiran berfikir merupakan keperluan kepada pembentukan masyarakat berdaya saing melalui pendidikan Sejarah. Perkembangan TMK merupakan salah satu pendekatan baru yang dapat diguna pakai untuk melahirkan pelajar yang berfikir menggunakan pelbagai teknologi digital yang boleh diperolehi dengan mudah melalui teknologi internet. Objektif kajian adalah mengenal pasti teknologi yang digunakan dalam mata pelajaran Sejarah, menjelaskan kategori KPS yang dilaksanakan dengan menggunakan TMK dalam kalangan guru pelatih dan meneliti pandangan guru pelatih tentang kesan, cabaran dan cadangan melaksanakan KPS dengan menggunakan TMK .

Hasil penyelidikan akan memberi maklum balas kepada berbagai pihak, khususnya pengajar kaedah mengajar Sejarah dalam latihan perguruan di institusi pengajian tinggi tentang penggunaan TMK , dan KPS dalam sukatan mata pelajaran Sejarah. Selain itu, kajian ini memberikan maklumat tentang kepentingan TMK kepada guru pelatih sendiri agar memperbaiki dan meningkatkan keupayaan diri menggunakan TMK dan melaksanakan KPS dalam pengajaran.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KEPUSTAKAAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti teknologi yang digunakan oleh guru pelatih dalam mengajar mata pelajaran Sejarah, menjelaskan kategori KPS yang dilaksanakan oleh guru pelatih dengan menggunakan TMK dan meneliti pandangan guru pelatih tentang kesan, cabaran dan cadangan melaksanakan KPS dengan menggunakan TMK. Perbincangan dalam Bab 2 menumpu kepada KPS meliputi kemahiran memahami kronologi, menerokai bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

Perbincangan dimulakan dengan mengupas latar belakang Pendidikan Sejarah, objektif mata pelajaran Sejarah, pengenalan mata pelajaran Sejarah dalam sistem pendidikan negara dan kemunculan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam mata pelajaran Sejarah. Kemahiran-kemahiran dalam pemikiran Sejarah dijelaskan bersama beberapa isu terpilih berkaitan KPS merujuk kajian lepas.

Seterusnya, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) turut dibincangkan dalam bab ini. Pengertian dan ciri-ciri TMK mendahului perbincangan diikuti perbincangan isu berkaitan TMK iaitu kedudukan TMK dalam perancangan negara, penggunaan TMK dalam pendidikan negara, penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran, kebaikan TMK, dan pelaksanaan TMK di peringkat universiti, dan sekolah.

Kemudian, perbincangan turut menyentuh pendidikan guru meliputi misi dan visi pendidikan guru di Malaysia diikuti falsafah dan matlamat pendidikan guru di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP), Universiti Sains Malaysia (USM). Perbincangan turut meninjau kajian-kajian lepas mengenai KPS, TMK dan hubungan antara KPS dan TMK .

Di akhir perbincangan, bab ini mengemukakan teori yang mendasari kajian ini iaitu, Model Teknologi Pedagogi dan Isi Kandungan (TPACK). Kemudian, pembentukan kerangka teori kajian turut dibina untuk menyokong kajian ini.

## **2.2 Takrifan Ilmu Sejarah**

Menelusuri latar belakang pendidikan Sejarah bermula dengan takrifan Sejarah pertengahan abad ke-20 hingga awal abad ke-21 oleh ahli falsafah Sejarah secara berturutan. Menurut Carr (1961) mentakrifkan Sejarah adalah satu proses yang saling berkait antara ahli Sejarah dan fakta, masa kini dan masa lampau. Bagi Collingwood (1966) Sejarah mengkaji dan menyiasat sesuatu tindakan manusia pada masa lampau yang memberikan kesan kepada sesuatu peristiwa yang bermakna. Mohd Yusuf Ibrahim (1986) menyatakan bahawa Sejarah ialah catatan atau rekod mengenai peristiwa yang berlaku pada masa dahulu yang telah melalui proses penyelidikan atau pengkajian oleh ahli Sejarah. Bagi Stearns, et al., (2000), Sejarah merupakan peristiwa-peristiwa masa lalu yang menggambarkan perkembangan ketamadunan manusia, tindakan serta kesan dan akibat sesuatu peristiwa tersebut. Takrifan sesuatu peristiwa Sejarah bergantung kepada penggunaan fakta-fakta Sejarah oleh sejarawan. Tafsiran fakta oleh sejarawan dipengaruhi oleh pertimbangan, faktor suasana masyarakat sezaman dan kemampuan berfikir dan menghubungkan peristiwa masa lalu. Walsh (2008) menyatakan Sejarah

merupakan asas disiplin kepada inkuiri, penyiasatan, analitikal dan membuat disiplin pertimbangan.

Maka dapat dirumuskan bahawa takrifan Sejarah di atas umumnya menunjukkan Sejarah memerlukan kemahiran berfikir yang tinggi untuk membuat penyiasatan, pengkajian dan penyelidikan untuk menghasilkan pertimbangan jawapan secara adil.

### **2.2.1 Kedudukan Mata Pelajaran Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia**

Di Malaysia, mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan pada tahun 1918 dan dikenali sebagai Tawarikh (Khoo, 2002). Sistem pendidikan di Malaysia pada masa itu merdeka terbahagi kepada empat aliran pendidikan, iaitu sekolah aliran Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular India dan sekolah aliran Inggeris yang mengajar kurikulum yang berbeza. Fokus mata pelajaran Sejarah dalam setiap aliran pendidikan adalah kepada Sejarah bangsa dan tanah air masing-masing iaitu Sejarah negara China bagi sekolah Cina, dan sekolah Tamil mengkaji Sejarah India yang diajar melalui bahasa Telegu, Malayalam, Punjabi, Gujeral dan Tamil. Manakala sekolah aliran Inggeris mengajar Sejarah Inggeris. Fenomena ini berlaku dari tahun 1937 hingga 1959 (Ibrahim Saad, 1992; Shahril Marzuki, 1994; Kassim Tukiman dan Zaliza Mohd Nasir, 2009). Ketidakteraturan ini menyebabkan wujud perbezaan kurikulum jurang dalam pendidikan Sejarah yang diterima antara murid di ketiga-tiga aliran sekolah vernakular ini. Akibatnya, setiap kaum menganggap diri mereka sebagai warganegara tempat asal mereka, bukannya sebagai warganegara Malaya. Masing-masing mempunyai kepentingan kaum sendiri dan tidak mengambil berat aspek perpaduan antara kaum (Kassim Tukiman dan Zaliza Mohd Nasir, 2009).

Berbagai usaha telah dilakukan bagi membentuk keseragaman kurikulum keempat-empat aliran pendidikan, melalui Laporan Barnes 1951, Laporan Razak 1956, Jawatankuasa Pelajaran 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961. Laporan Razak telah menetapkan semua aliran sekolah menggunakan kurikulum yang sama. Manakala selepas Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974, membawa kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah digubal pada 1989. KBSM memperkenalkan satu elemen baru dalam kurikulum iaitu kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Shahril Marzuki et.al (1994) kemahiran berfikir dalam pendidikan Sejarah pada masa itu meliputi kemahiran berfikir secara mantik, analitis, bersistem, kritis, rasional dan semangat setia negara.

Pada tahun 1990, Kurikulum Sejarah KBSM telah disemak semula dan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dimasukkan, seperti dalam struktur disiplin Sejarah sejajar dengan unsur inkuiri Sejarah. Baharuddin Jabar (2009) berpendapat pemahaman terhadap struktur disiplin akan mengembangkan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang lebih dinamik. Pemikiran inkuiri dalam Sejarah secara asasnya meliputi persoalan: Apa, Mengapa, Bagaimana, Bila, Di mana dan Siapa. Jawapan kepada Persoalan ini diperolehi dengan pengumpulan sumber seperti sumber lisan dan tulisan, artifak, gambar, lukisan, bangunan dan persekitaran yang dapat menjelaskan persoalan yang dikemukakan.

Proses inkuiri, pengumpulan sumber, analisis sumber Sejarah memerlukan kemahiran pemikiran Sejarah yang melibatkan kemahiran memahami kronologi, menerokai bukti, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. Hasilnya, sesuatu peristiwa Sejarah ditulis dengan tepat dan boleh dijadikan pengajaran kepada murid pada masa akan datang.

Teras Struktur Disiplin Sejarah diringkaskan seperti mana ditunjukkan di dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1 Struktur Disiplin Sejarah

Pada tahun 1993, Mata Pelajaran Sejarah dilihat penting dalam memupuk rasa cinta akan negara melalui penghayatan Sejarah negara dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu, subjek ini telah diwajibkan kepada semua murid sekolah menengah (Sufeah Hussin, 1993). Menurut Sufeah Hussin (1993) dan Ibrahim Saad (1994) perubahan dalam KBSM merupakan satu anjakan besar dalam falsafah dan konsepsi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Bermula tahun 2012, 30 peratus soalan berbentuk kemahiran berfikir pelbagai aras dimasukkan dalam Kertas 1, Kertas 2 dan Kertas 3 dalam soalan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Di samping itu, mulai tahun 2013 mata pelajaran Sejarah telah menjadi satu syarat wajib lulus bagi memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Berdasarkan perancangan pelan pembangunan pendidikan negara 2013-2025, Kurikulum Standard Sekolah



Menengah (KSSM) akan diperkenalkan pada 2014 dan perubahan dan pemurnian sukatan pelajaran buku teks baru bagi peringkat menengah akan bermula pada 2017. Hal ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam mengurangkan kaedah hafalan tetapi lebih kepada kemahiran berfikir murid dalam menjawab soalan peperiksaan.

### **2.2.2 Objektif Mata Pelajaran Sejarah**

Kajian ini sangat berkaitan dengan objektif mata pelajaran Sejarah. Sembilan objektif terkandung dalam Huraian Sukatan Mata pelajaran Sejarah adalah membolehkan murid, pertama, menyatakan kepentingan Mata Pelajaran Sejarah sebagai satu disiplin ilmu dan mengamalkan disiplin ilmu ini sebagai pendidikan sepanjang hayat serta mampu berdikari. Kedua, membolehkan murid menjelaskan perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial. Ketiga, kebolehan murid menghuraikan ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Keempat, keupayaan murid menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan negara dan mempertahankan maruah bangsa. Kelima, agar murid memiliki semangat patriotik dan melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara. Keenam, murid boleh menjelaskan kedudukan Malaysia sebagai sebahagian daripada peradaban dunia dan sumbangan pada peringkat antarabangsa. Ketujuh, murid dapat mengambil iktibar daripada pengalaman Sejarah untuk mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan. Kelapan, kebolehan murid mengamalkan nilai-nilai murni. Akhir sekali, kebolehan menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta Sejarah Malaysia dan dunia luar secara rasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Kesemua

sembilan objektif ini adalah seiring dengan ciri-ciri pemikiran Sejarah yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

### **2.2.3 Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK)**

Sebelum kemunculan istilah kemahiran pemikiran Sejarah, kemahiran berfikir yang lebih dikenali sebagai Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) diperkenalkan secara langsung dalam semua mata pelajaran mulai tahun 1993 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002 dan Lee , 1993). Bermula tahun 2002 barulah istilah Kemahiran Pemikiran Sejarah muncul melalui Struktur Disiplin Sejarah yang dikhususkan dalam mata pelajaran Sejarah. Sering kali, kemahiran berfikir diistilahkan bersama kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Namun, kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif adalah dua bentuk penjanaan minda yang mempunyai fungsi tersendiri.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mendefinisikan kemahiran berfikir sebagai proses menggunakan minda sama ada untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah mengikut situasi tertentu. Kemahiran berfikir kritis pula ditakrifkan sebagai proses secara sedar untuk mentafsirkan maklumat dan pengalaman dengan keyakinan (Lee, 1993). Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mentakrifkan pemikiran kritis ialah kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea dan bersifat penilaian. Pemikiran kritis boleh dikenal pasti melalui penggunaan perkataan seperti mencirikan, membandingkan dan membezakan, mengumpulkan dan mengelaskan, membuat urutan, menyusun mengikut keutamaan, menganalisis, mengesan kecondongan, menilai dan membuat kesimpulan (Bahagian Pendidikan Guru, 2013).

Manakala kemahiran berfikir kreatif pula menurut S.W Schiever dan W. Shirley (1991), bermaksud keupayaan menghasilkan ciptaan dan idea yang baru atau pemikiran yang membina. Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mentakrifkan kemahiran berfikir kreatif ialah kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat generatif. Idea baru terhasil melalui ilham atau gabungan idea-idea yang ada. Pemikiran kreatif boleh dikenal pasti dengan penggunaan beberapa perkataan kata kerja seperti menjana idea, membuat inferens, menghubungkaitkan, meramal, membuat hipotesis, mensitensis, mengimlak, menganalogi, membuat gambaran mental dan mereka cipta (Bahagian Pendidikan Guru, 2013).

Kesimpulannya, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dapat dirumuskan sebagai proses berfikir menggunakan minda untuk menilai kemasabahan sesuatu idea bagi menghasilkan idea baru merentas subjek.

### **2.3 Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah**

Ilmu Sejarah mempunyai pemikiran sendiri yang dikenali Pemikiran Sejarah. Menurut Tholfsen (1967) dalam Siti Hawa Abdullah (2009) pemikiran Sejarah adalah sebagai usaha untuk memahami ciri-ciri sejarawan moden. Sebelum memahami ciri-ciri sejarawan moden, individu tersebut perlu mempunyai kebolehan dan kemahiran mengingat, membuat kognisi, berfikir secara konvergen dan divergen serta membuat penilaian (Guilford, 1967). Kemudian, takrifan ini dikemaskan oleh Muhd. Yusof Ibrahim, (1986) yang mengaitkan Sejarah itu dengan pemikiran. Beliau menyatakan bahawa semua Sejarah itu adalah Sejarah pemikiran yang tidak dapat ditulis secara saintifik kecuali Sejarah itu dapat menggambarkan kembali di dalam akalnya pengalaman manusia yang dikaji tindakannya oleh sejarawan. Pengajaran pemikiran Sejarah menunjukkan pengajaran yang menekankan pemikiran sangat